

Tiga beranak korban api

Sederet kedai lima pintu hangus

Oleh ZAINAL BUJAL

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

PADANG SERA, Isnin — Seorang ibu muda, Tan Lay Heng 26, dan dua orang anak lelakinya, Ooi Kok Seong, 8 dan Ooi Kok Yeong 4, hangus dijlilat api dalam satu kebakaran yang meruamuhkan sederet kedai lima pintu di pekan ini kira-kira 20 batu dari Alor Setar malam tadi.

Ketiganya terperangkap di tingkat bawah kedai runcut mereka dan tidak dapat menyelamatkan diri kerana api menjulang tinggi dan merebak ke kedai-kedai lain yang berhampiran.

Abil-ahl bomba menjumpai mayat ibu muda itu di pintu kedai lewat malam tadi, manakala mayat kedua anaknya hanya dijumpai awal pagi ini.

Fihak bomba percaya wanita itu cuba menyelamatkan diri

tetapi besar kemungkinan dia dihempas oleh palang kayu yang sedang dijlilat api.

Kebakaran yang bermula jam 9.30 malam itu dipercayai berpunca dari lampu gas yang dipasang di kedai runcut tersebut kerana seluruh pekan itu gelap gelita akibat kerosakan bekalan elektrik sejak tiga hari yang lalu.

Terperanjat

Seramai 23 orang anggota bomba bersama tiga kereta dari Jitra, Alor Setar dan Kangar dibantu oleh empat kereta bomba serta 40 orang ahli bomba sukarela dari Tunjung, Kodiang dan Changliah bertungkus lumus memadamkan kebakaran dalam masa satu jam setengah mengawal api tersebut dari merebak ke kedai-kedai lain yang berhampiran.

Sehingga pagi, anggota-anggota bomba yang diketuai oleh pegawai bomba Jitra, Enik Ahmad bin Omar masih memancut air memadamkan bara-bara dan serpihan kayu yang masih terbakar.

Kebakaran tersebut mengakibatkan 40 orang kehilangan tempat tinggal serta

barta benda dan kerugian dianggarkan berjumlah lebih \$500,000.

Mereka kini menumpang di kedalaman saudara mara untuk sementara waktu dan dibawah jagaan sebuah jawatankuasa malapetaka yang ditubuh seria serta dipengerusikan oleh Abil Dewan Undangan Negeri kawasan Tunjung Haji Hanafi Ramli.

Suami si mati, Enik Ooi Swee Guan, 33 seorang pekadai runcut memberitahu, beliau tidak ada di rumah bila kebakaran itu berlaku.

Katanya, masa kejadian itu beliau pergi ke pekan Jitra dan balik tergesa-gesa bila melihat kereta bomba meluru ke arah Padang Sera.

"Alangkah terperanjatnya saya bila melihat kedai saya. Adalah antara kedai-kedai yang dijlilat api, dan lebih terkejut lagi bila mendapat tahu isteri dan dua orang anak saya terperangkap di dalamnya," kata Enik Ooi sambil berlinangan air mata.

Dua lagi anaknya bagaimanapun terselamat.

Haji Hanafi dan wakil peribadi Perdana Menteri, Ustaz Abu Bakar Husin, berada di tempat kebakaran tersebut hingga jam 100 pagi

Menurut Ustaz Abu Bakar, beliau menafikan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bagi tadi memberitahunya mengenai kebakaran tersebut yang berlaku dalam kawasan pilihanraya Perdana Menteri.

Katanya, Datuk Seri Dr. Mahathir mengarahkan beliau menghulurkan derma peribadi \$1,000 bagi membantu memulihkan kehidupan mangsa-mangsa kebakaran itu.

Terharu

Perdana Menteri merana terharu dengan tragedi tersebut dan berharap mangsa-mangsa kebakaran itu akan bersabar kerana usaha-usaha sedang diambil bagi memberi bantuan segera kepada mereka.

Haji Hanafi pula berkata, jawatankuasa mala petaka yang dipengeruskannya itu akan berusaha mendapatkan derma dari orang ramai dan bantuan segera dari Kerajaan bagi memulihkan kehidupan mangsa-mangsa kebakaran tersebut.

Katanya, kebakaran itu mungkin dapat dicegah dan rawaya ketiga mangsa yang hangus dijlilat api itu mungkin dapat diselamatkan jika LLN segera memulihkan bekalan elektrik yang terputus ke pekan itu.